

٣٩٩٨ - حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ مُوسَى أَخْبَرَنَا هِشَامٌ عَنْ مَعْمَرٍ عَنْ الزُّهْرِيِّ ح حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي أَخِي عَنْ سُلَيْمَانَ عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ أَبِي عَتِيقٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ بْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو طَلْحَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ صَاحِبُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَ قَدْ شَهِدَ بَدْرًا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ لَا تَدْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كَلْبٌ وَلَا صُورَةٌ يُرِيدُ التَّمَاثِيلَ الَّتِي فِيهَا الْأَرْوَاحُ

3998 - Ibrahim bin Musa meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam meriwayatkan kepada kami daripada Ma'mar daripada az-Zuhri. Ismail (bin Abi Uwais) juga meriwayatkan kepada kami, katanya: saudara saya (Abu Bakar. Nama sebenarnya ialah 'Abdul Hamid) meriwayatkan kepada saya daripada Sulaiman (bin Bilal) daripada Muhammad bin Abi 'Atiq daripada Ibnu Syihaab daripada 'Ubaidillah bin 'Abdillah bin 'Utbah bin Mas'ud katanya: Ibnu 'Abbaas berkata: Abu Talhah - seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang telah ikut serta bersama Baginda dalam perang Badar¹⁶² - menceritakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Malaikat tidak memasuki rumah yang

dalam majlis itu adalah terlarang, yang lain-lain terus dibenarkan oleh Nabi s.a.w. Hadits ini juga menunjukkan Rasulullah s.a.w. tidak mempunyai sifat ketuhanan yang mengetahui segala-galanya, Baginda hanya mengetahui apa yang diberitahu Allah sahaja.

¹⁶² Nama sebenar Abu Talhah ialah Zaid bin Sahl bin Aswad bin Haram al-Anshaari al-Khazrajiy, beliau lebih terkenal dengan kunyahnya (nama panggilan) Abu Talhah, beliau terbilang sebagai salah seorang sahabat utama Rasulullah s.a.w. Beliau ialah suami kepada Ummu Sulaim (ibu Anas bin Malik). Sebelum memeluk agama Islam, beliau pernah masuk meminang Ummu Sulaim. Jawapan yang diterimanya dari Ummu Sulaim ialah lamaranmu ditolak kerana engkau seorang kafir sedangkan saya seorang muslimah. Tidak halal saya berkahwin dengan seorang kafir. Jika engkau memeluk agama Islam, maka itulah dikira sebagai maskahwin. Abu Talhah memeluk agama Islam dan berkahwin dengan Ummu Sulaim. Maskahwin untuk perkahwinannya tidak lain hanyalah memeluk agama Islam. Dalam perang Uhud beliau adalah salah seorang pemanah yang berkawal di hadapan Nabi s.a.w. Pada ketika-ketika tertentu apabila Nabi mengangkat kepalanya untuk melihat pihak musuh, Abu Talhah menjadikan dadanya sebagai perisai Rasulullah s.a.w. sambil beliau berkata: "Biarlah Tuan berada di belakang saya, takut-takut Tuan terkena anak panah mereka. Biar leher saya berada di hadapan leher Tuan." Para 'ulama' berbeda pendapat tentang tahun kematian Abu Talhah, sesetengah mereka mengatakan beliau meninggal dunia pada tahun 34 Hijrah, jenazahnya disembahyangkan oleh Sayyidina Utsman. Sesetengah yang lain pula berkata dua tahun sebelum itu. Sementara Abu Zur'ah ad-Dimasyqi pula berkata beliau hidup selama 40 tahun selepas kewafatan Nabi s.a.w. Berdasarkan kenyataan ini tahun kematian beliau sama ada pada 50 atau 51 Hijrah.

ada di dalamnya anjing dan gambar.” Maksud beliau ialah patung-patung (makhluk) yang bernyawa.”¹⁶³

٣٩٩٩ - حَدَّثَنَا عَبْدَانُ أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ أَخْبَرَنَا يُونُسُ ح وَ حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ صَالِحٍ حَدَّثَنَا عَنْبَسَةُ حَدَّثَنَا يُونُسُ عَنْ الزُّهْرِيِّ أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ حُسَيْنٍ أَنَّ حُسَيْنَ بْنَ عَلِيٍّ أَخْبَرَهُ أَنَّ عَلِيًّا قَالَ كَانَتْ لِي شَارِفٌ مِنْ نَصِيبِي مِنَ الْمَعْتَمِ يَوْمَ بَدْرٍ وَكَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَعْطَانِي مِمَّا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَيْهِ مِنَ الْخُمْسِ يَوْمَئِذٍ فَلَمَّا أَرَدْتُ أَنْ أَتِيَّ بِقَاطِمَةَ بِنْتِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَاعَدْتُ رَجُلًا صَوَاعًا فِي بَنِي قَيْنُقَاعَ أَنْ يَرْجُلَ مَعِيَ فَنَأْتِي بِإِذْخِرٍ فَأَرَدْتُ أَنْ أَبِيعَهُ مِنَ الصَّوَاغِينَ فَتَسْتَعِينُ بِهِ فِي وَلِيمَةٍ عُرْسِي فَبَيْنَا أَنَا أَجْمَعُ لِشَارِفِي مِنَ الْأَقْتَابِ وَالْعَرَائِرِ وَالْحِبَالِ وَشَارِفَايَ مُتَاخَانِ إِلَى جَنْبِ حُجْرَةِ رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ حَتَّى جَمَعْتُ مَا جَمَعْتُ فَإِذَا أَنَا بِشَارِفِي قَدْ أُجِبْتُ أَسْمَتُهَا وَبُقِرَتْ خَوَاصِرُهَا وَأُخِذَ مِنْ أَكْبَادِهَا فَلَمْ أَمْلِكْ عَيْنِي حِينَ رَأَيْتُ الْمَنْظَرَ قُلْتُ مَنْ فَعَلَ هَذَا قَالُوا فَعَلَهُ حَمْزَةُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ وَهُوَ فِي هَذَا الْبَيْتِ فِي شَرْبٍ مِنَ الْأَنْصَارِ عِنْدَهُ قَيْنَةٌ وَأَصْحَابُهُ فَقَالَتْ فِي غِنَائِهَا أَلَا يَا حَمْرُ لِلشُّرَفِ النَّوَاءِ فَوُتِبَ حَمْزَةُ إِلَى السَّيْفِ فَأَجَبْتُ أَسْمَتُهَا وَبُقِرَ خَوَاصِرُهَا وَأُخِذَ مِنْ أَكْبَادِهَا قَالَ عَلِيُّ فَأَنْطَلَقْتُ حَتَّى أَدْخُلَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعِنْدَهُ زَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ وَعَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الَّذِي لَقِيتُ فَقَالَ مَا لَكَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا رَأَيْتُ كَالْيَوْمِ عَدَا حَمْزَةُ عَلَى نَاقَتِي فَأَجَبْتُ أَسْمَتُهَا وَبُقِرَ خَوَاصِرُهَا وَهَا هُوَ ذَا فِي بَيْتٍ مَعَهُ شَرْبٌ فَدَعَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِرِدَائِهِ فَارْتَدَى ثُمَّ انْطَلَقَ يَمْشِي وَاتَّبَعْتُهُ أَنَا وَزَيْدُ بْنُ حَارِثَةَ حَتَّى جَاءَ الْبَيْتَ الَّذِي فِيهِ حَمْزَةُ فَاسْتَأْذَنَ عَلَيْهِ فَأُذِنَ لَهُ فَطَفِقَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُلُومُ حَمْزَةَ فِيمَا فَعَلَ فَإِذَا حَمْزَةُ تَمْلُ حُمْرَةً عَيْنَاهُ فَتَنْظُرُ حَمْزَةُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثُمَّ صَعَدَ النَّظَرَ فَتَنْظُرُ إِلَى رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ صَعَدَ النَّظَرَ فَتَنْظُرُ إِلَى وَجْهِهِ ثُمَّ قَالَ حَمْزَةُ وَهَلْ أَنْتُمْ إِلَّا عِبِيدُ

¹⁶³ Tempat sebenar membincangkan tentang hadits ini ialah di dalam Kitab al-Libas. Maksud Bukhari megemukakan hadits ini hanyalah untuk menyabitkan Abu Talhah juga merupakan salah seorang Ahli Badar. Malaikat yang dikatakan tidak memasuki rumah yang ada anjing dan patung-patung makhluk bernyawa itu ialah malaikat rahmat. Adakah patung-patung makhluk bernyawa sahaja yang tidak disenangi para malaikat itu atau termasuk juga segala gambar atau replika benda-benda yang dipuja manusia? Perbincangan tentangnya Insya Allah akan ditemui disana. Soal anjing pula, adakah ia umum merangkumi semua anjing atau hanya anjing yang tidak dibenarkan dipelihara sahaja yang tidak disenangi malaikat itu? Terdapat khilaf 'ulama' tentangnya, Imam an-Nawawi dan al-Qurtubi mengatakan ia umum. Sementara segolongan 'ulama' yang lain pula berpendapat ia khusus dengan anjing yang tidak dibenarkan dipelihara sahaja.

لَأَبِي فَعَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ نَمِيلٌ فَتَنَكَّصَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى عَقَبَيْهِ الْقَهْقَرَى فَخَرَجَ وَخَرَجْنَا

مَعَهُ

3999 - `Abdaan<sup>164</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah (bin al-Mubarak) meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami. (Kata Imam Bukhari) Ahmad bin Saleh (bin Abi Ja'far al-Mishri) juga meriwayatkan kepada kami, katanya: `Anbasah (bin Khalid)<sup>165</sup> meriwayatkan kepada kami, katanya: Yunus (bin Yazid al-Aili) meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri (Muhammad bin Muslim), katanya: `Ali bin Husain (bin `Ali bin Abi Thalib) meriwayatkan kepada kami bahawa Husain bin `Ali (bin Abi Thalib) meriwayatkan kepadanya, sesungguhnya `Ali bin Abi Thalib r.a.¹⁶⁶ bercerita, katanya: “Pada hari Badar aku mendapat seekor unta betina¹⁶⁷ daripada ghanimah (harta rampasan perang). Rasulullah s.a.w. memberikan kepadaku (seekor lagi unta betina)¹⁶⁸ pada hari yang sama daripada (harta) khumus.¹⁶⁹ Bila aku hendak berkahwin dengan Fathimah r.a., aku

¹⁶⁴ Nama sebenar guru Imam Bukhari ini ialah `Abdullah bin `Utsman bin Jabalah al-Azdi ak-Marwazi. Kuniah beliau ialah Abu `Abdir Rahman. Nama sebenarnya dipinda sehingga menjadi `Abdaan. Demikianlah kata Hafiz Ibnu Hajar. Kata Hafiz Ibnu Thahir, nama sebenar beliau ialah `Abdullah dan kuniahnya Abu `Abdir Rahman. Daripada nama sebenarnya diambil perkataan عبد dan daripada kuniahnya juga diambil perkataan عبد, maka jadilah dua عبد. Dari situlah dijadikan perkataan tatsniah عبدان dan beliau lebih masyhur dengan nama pindaan ini. `Abdaan meninggal dunia pada tahun 221 Hijrah.

¹⁶⁵ Beliau ialah anak saudara Yunus bin Yazid al-Aili.

¹⁶⁶ Imam Bukhari meriwayatkan hadits `Ali ini melalui dua thuruq (saluran riwayat). Pertama daripada `Abdaan daripada `Abdullah bin al-Mubarak daripada Yunus bin Yazid al-Aili. Kedua ialah daripada Ahmad bin Saleh bin Abi Ja'far al-Mishri daripada `Anbasah bin Khalid daripada Yunus bin Yazid al-Aili. Pada Yunus bin Yazid bertemu kedua-dua sanad. Adapun sanad di atas daripada Yunus hingga kepada Sayyidina `Ali sama saja.

¹⁶⁷ شارف ialah unta betina muda yang baru berumur satu tahun. Kebanyakan ahli bahasa `Arab berpendapat ia adalah perkataan yang digunakan khusus untuk unta betina. Walaupun lafaznya muzakkar ia tidak digunakan untuk unta jantan. Tetapi menurut al-Ashma'i, ia boleh juga digunakan untuk unta jantan.

¹⁶⁸ Maf'ul kedua bagi أعطاني (محذوف). Taqdirnya ialah شارفا. Apa yang tersebut di dalam kurungan di dalam terjemahan di atas adalah berdasarkan apa yang ditaqdirkan tadi. Di bawah باب أعطاني شارفا من الخمس memang tersebut pun apa yang ditaqdirkan itu. Lafaznya begini: أعطاني شارفا من الخمس (Nabi s.a.w. memberikan kepadaku seekor lagi unta betina).

¹⁶⁹ Maksudnya ialah setelah menang dalam peperangan Badar dan harta rampasan perang (ghanimah) diperolehi, Nabi s.a.w. mengeluarkan satu per lima (khumus) daripadanya untuk